

INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
GURU-GURU TEKNIKAL DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK  
DARI PERSPEKTIF GURU

LAILINANITA BINTI AHAMAD

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan  
( Kejuruteraan Elektrik )

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2008

”Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penulis : LAILINANITA BINTI AHAMAD

Tarikh : 17 NOVEMBER 2008

*DEDIKASI*

**“UNTUK AYAHANDA DAN IBUNDA TERCINTA.....  
AHAMAD & HAMIDAH,  
TUNANG TERSAYANG AZAREEL AZRE B. MAHADZIR  
SERTA RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN  
TIDAK LUPA JUGA KEPADA PROF. MADYA DR. YAHYA BIN BUNTAT YANG TIDAK JEMU-JEMU  
MEMBERI DORONGAN DAN SEMANGAT DALAM USAHA SAYA MENYIAPKAN PROJEK INI.....  
TERIMA KASIH” .....**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

“ Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang “

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, projek ini dapat juga disempurnakan dengan jayanya. Semoga ilmu yang diperolehi dalam menyiapkan projek ini diberkati Allah S.W.T. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas budi baik mereka yang telah banyak membantu untuk menyiapkan projek ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Yahya bin Buntat yang telah memberi segala bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan serta curahan nasihat dan pengalaman yang dikongsi bersama sepanjang tempoh projek dijalankan.

Jutaan terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada ayahanda, ibunda dan keluarga tercinta serta rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah jemu memberi bantuan dan sokongan sepanjang masa dalam menyiapkan penulisan laporan projek ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. InsyaAllah.

Wassalam.

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal dari perspektif guru. Kajian ini memfokuskan kepada empat aspek iaitu pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal, faktor-faktor yang menjadi halangan dan juga peluang-peluang atau galakan kepada guru-guru teknikal dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Seramai 40 orang guru teknikal dari empat buah sekolah menengah teknik di negeri Johor telah dipilih sebagai responden kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru teknikal mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru-guru juga dibekalkan dengan beberapa latihan untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun demikian, masih terdapat segelintir guru yang menghadapi masalah tentang bagaimana hendak melaksanakannya. Bagaimanapun, guru-guru juga mendapat kerjasama yang baik daripada pihak sekolah dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan berkesan.

## **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify the teaching and learning innovation at school among technical teachers from the teacher's opinion. This study focused on four aspects which are practices in teaching and learning innovation, the types of training that the teachers had, factor of challenged the issues in teachers can implement innovation of teaching and learning in school. Around 40 technical teachers from four technical schools in Johore had been chosen as the research sample. From the research, result showed that the technical teacher has innovation practices in teaching and learning in school. Teachers had been provided a training to help in implementing the innovation in teaching and learning in school. But, there are some teachers who still have a problem on how to implement the innovation. However, the teachers get a good co-operated from school to implement the innovation in teaching and learning in school with effectively.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

### **BAB I      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi Terminologi	10

## **BAB II        SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian Mengenai Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Oleh Guru-Guru Teknikal	16
2.3	Kajian Mengenai Jenis Latihan Yang Telah Diikuti Oleh Guru-Guru Teknikal Bagi Membantu Mereka Dalam Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah.	19
2.4	Kajian Mengenai Faktor-Faktor Yang Menjadi Halangan Bagi Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah.	20
2.5	Kajian Mengenai Peluang-Peluang Atau Galakan Kepada Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	21

## **BAB III        METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	23
3.2	Rekabentuk Kajian	24
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	25
3.4	Tempat Kajian	25
3.5	Instrumen Kajian	25
	3.5.1 Kandungan Borang Soal Selidik	26
3.6	Kajian Rintis	28



3.7	Prosedur Kajian	30
3.8	Analisa Data	31

#### **BAB IV ANALISIS DAN HURAIAN DATA**

4.1	Pengenalan	33
4.2	Bahagian A : Latar Belakang Responden	34
4.2.1	Jantina	34
4.2.2	Umur	34
4.2.3	Kelayakan Akademik Tertinggi	35
4.3	Bahagian B :	
	Persoalan Kajian Pertama	36
4.4	Persoalan Kajian Kedua	38
4.5	Persoalan Kajian Ketiga	39
4.6	Persoalan Kajian Keempat	41

#### **BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	43
5.2	Perbincangan	43
5.2.1	Persoalan Kajian Pertama	44
5.2.2	Persoalan Kajian Kedua	46
5.2.3	Persoalan Kajian Ketiga	47
5.2.4	Persoalan Kajian Keempat	48
5.3	Rumusan	49
5.3.1	Persoalan Kajian Pertama	50
5.3.2	Persoalan Kajian Kedua	50

5.3.3	Persoalan Kajian Ketiga	50
5.3.4	Persoalan Kajian Keempat	51
5.4	Cadangan	51
5.4.1	Cadangan Untuk Sasaran Kajian	52
5.4.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	53
5.5	Penutup	54

<b>Rujukan</b>	55
----------------	----

## **Lampiran A**

## **Lampiran B**

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kadar Menentukan Jumlah Sampel Daripada Populasi	25
3.2	Bilangan Item Berhubung Persoalan Kajian	27
3.3	Pekali Alpha Cronbach	30
3.4	Lima aras skala likert	32
3.5	Julat Skor Min	32
4.1	Jadual Taburan Mengikut Jantina	34
4.2	Jadual Taburan Mengikut Umur	35
4.3	Jadual Taburan Mengikut Kelayakan Tertinggi	36
4.4	Taburan Analisis Item Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Oleh Guru-Guru Teknikal	37
4.5	Taburan Analisis Item Jenis Latihan Yang Telah Diikuti Guru-Guru Teknikal Bagi Membantu Mereka Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	38
4.6	Taburan Analisis Item Faktor – Faktor Yang Menjadi Halangan Bagi Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	40
4.7	Taburan Analisis Item Peluang-Peluang Atau Galakan Kepada Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di sekolah	42

**SENARAI SINGKATAN**

KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Menengah
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	59
B	Surat-Surat Pengesahan	
	- Kementerian Pelajaran Malaysia ( KPM )	66
	- Jabatan Pelajaran Johor	68
	- Isi Kandungan	69

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Senario masa depan dalam pendidikan amat bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kecemerlangan dalam pendidikan memanglah menjadi harapan dan matlamat kita. Bagi mencapai kecemerlangan semestinya tidak boleh lari dari peranan yang dimainkan oleh guru. Guru merupakan agen utama untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Dalam konteks hari ini, suatu perubahan perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif perlu dicerna. Guru-guru kreatif dan inovatif memainkan peranan yang penting bagi menjayakan wawasan. Guru perlu membebaskan diri daripada pemikiran lama yang membelenggu mereka dalam kaedah pengajaran. Seperti kaedah *chalk and talk* sudah tidak relevan lagi buat masa kini, Mahasan Mahmood (2003).

Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu pembaharuan kreatif dimana kaedah atau cara yang baru digunakan bagi seseorang guru untuk memastikan objektif pengajarannya tercapai. Penemuan inovasi adalah untuk menangani masalah bagi meningkatkan sistem pendidikan. Inovasi dalam pendidikan yang merupakan usaha untuk mengubah proses pembelajaran, perubahan dalam situasi belajar yang menyangkut soal kurikulum, tempat mengajar dan belajar, mutu profesionalisme guru dan juga hasil daripada pengurusan pendidikan. Maka dengan ini adalah sepatutnya sistem pendidikan negara diperbaharui dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, untuk mencapai hasrat yang dicitakan, terdapat pelbagai aspek di dalam bidang

pendidikan yang perlu dirombak secara perlahan-lahan dan di antaranya ialah pembaharuan di dalam bidang kurikulum.

Arus perubahan yang berlaku di negara kita menjadikan proses mendidik pelajar-pelajar bertambah kompleks. Justeru, matlamat utama pendidikan masa kini ialah membentuk generasi muda yang mampu menangani cabaran pesat perubahan pembangunan. Pada masa yang sama para pendidik juga harus membantu pelajar-pelajar supaya dapat mengimbangi kesejahteraan mental dan emosi yang boleh menjurus kepada pembentukan tingkah laku yang sihat. Matlamat ini boleh dicapai jika guru-guru hari ini sedar akan segala perubahan yang berlaku dan tahu bahawa perubahan ini memerlukan penyesuaian dari berbagai aspek termasuk tanggungjawab, beban tugas, penambahan pengetahuan yang harus dipertingkatkan, serta peranan yang harus dimainkan. Yang pastinya, perubahan yang berlaku hasil daripada cabaran pesat pembangunan membawa lebih banyak cabaran yang boleh menggugat keupayaan seorang guru untuk bertugas sebagai pendidik yang berkesan.

Berbagai-bagai langkah telah diambil untuk memperbaiki mutu pendidikan dan sistem penyampaian. Di antaranya ialah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 yang menjurus kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Matlamat utama kurikulum baru ini ialah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh.

Melakukan pengembangan atau perubahan dalam sesuatu kurikulum adalah kerana sifat kurikulum itu sendiri yang dinamis, dan selalu berubah-ubah bagi menyesuaikan diri dengan kebutuhan mereka yang belajar. Audrey & S.Howard Nicholls (1982) mengemukakan bahawa oleh kerana masyarakat dan mereka yang belajar mengalami perubahan maka langkah awal dalam perumusan kurikulum ialah penyelidikan mengenai situasi (*situation analysis*) yang kita hadapi, termasuk situasi lingkungan belajar dalam erti menyeluruh, situasi peserta didik, dan para calon pengajar yang diharapkan dapat melaksanakan kegiatan dengan baik.

Pembaharuan (inovasi) diperlukan bukan sahaja dalam bidang teknologi, tetapi dalam segala bidang termasuk bidang pendidikan khususnya pengetahuan dan aplikasi dalam pengajaran. Pertimbangan dalam melakukan perubahan pembelajaran yang tepat dan sesuai dengan sistem adalah “sekolah yang aktif, komunikatif, inovatif, efektif dan menyenangkan”. Kurikulum sekolah mencantumkan dengan jelas tujuan pendidikan yang akan dicapai. Sekolah juga mempunyai rencana yang baik, disertai dengan program yang seimbang dan organisasi yang terancang ditujukan untuk memenuhi apa yang diperlukan oleh anak didik. Sekolah mempunyai program yang dimaksudkan untuk memberikan ketrampilan pada anak didik.

Sistem pemantauan luas dikembangkan untuk mengukur hasil latihan di pelbagai peringkat bagi menentukan penggunaan bahan-bahan yang disediakan, perubahan metodologi pengajaran, dan yang paling penting adalah untuk mengukur prestasi belajar pelajar. Inovasi-inovasi yang diterapkan dalam proses belajar ditindak lanjutkan dalam sistem pengukuran prestasi yang diubah untuk mengukur pemahaman dan bukan pengetahuan fakta. Skema pengamatan kegiatan di dalam kelas diterapkan untuk membuktikan peningkatan inovasi di dalam kelas. Penerapan pendekatan inovasi menghasilkan perubahan perilaku guru dengan perubahan kaedah mengajar dari kaedah tradisional yang berpusatkan guru berubah kepada berpusatkan pelajar yang berorientasikan pada kegiatan di dalam kelas. Bagi menjamin kesinambungan dari perubahan dan perbaikan itu tercapai, perlu wujudkan sebuah program latihan untuk lembaga-lembaga pelatihan guru, sebelum mereka memulakan mengajar. Guru sebenarnya amat kaya dengan maklumat dan pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar serta suasana pembelajaran dalam bilik darjah masing-masing. Pengetahuan ini menjadi kelebihan bagi guru untuk mengenalpasti punca masalah dalam pembelajaran pelajar seterusnya menjadi input dalam menentukan sesuatu keputusan dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran.

Pada kebiasaannya apabila seseorang guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas masing-masing, ia akan menggunakan segala pengetahuan yang telah dipelajari dan dilaluinya semasa latihan di institut perguruan atau universiti. Maka dalam hal ini, pendekatan serta teknik-teknik pengajarannya



adalah amalan biasa sebagaimana yang dilakukan oleh guru-guru lain. Pada masa-masa seterusnya pula, amalan “*duplicating of experience*” akan berlaku. Jika amalan ini berterusan maka kreativiti dan inovasi dalam pendidikan tidak akan berlaku dengan mudah.

Perancangan pengurusan kakitangan profesional merupakan satu alat untuk memperkembangkan lagi potensi manusia sebenar. Sekolah tidak akan berjaya tanpa wujudnya kakitangan profesional yang mahir dan cekap mengendalikan sumber tersebut walaupun terdapat sumber kewangan dan peralatan di sekolah itu. Kejayaan program akademik di peringkat sekolah bergantung kepada guru dan pentadbir dan pengetua yang profesional. Profesional yang efektif bergantung kepada perancangan pengurusan kakitangan yang efektif.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Sejak tahun 1980an, banyak inovasi kurikulum telah diusahakan dan dilaksanakan lebih-lebih lagi pada tahun 1960an dan 1970an yang merupakan tahun-tahun yang memberikan penumpuan terhadap proses pelaksanaan kurikulum. (Fullan, 1991; Berman dan McLaughlin, 1978). Pada ketika itu, banyak usaha dilakukan untuk memperkembangkan kurikulum dan inovasi kurikulum ini. Fullan (1991) mendapati bahawa kebanyakan usaha perkembangan kurikulum ini tidak dilaksanakan dalam amalannya. Berman dan Mc Laughlin (1978) juga mendapati hampir semua kajian yang dibuat, penerimaan program kurikulum bukan menjadi isu utama tetapi masalah pelaksanaan terhadap kurikulum yang diterima menguasai hasil dan kejayaan semua pembaharuan yang dikaji. Secara relatifnya, tidak banyak idea pembaharuan yang telah berjaya dilaksanakan di dalam bilik darjah sedangkan pelaksanaan kurikulum merupakan agenda dan matlamat yang penting dalam meningkatkan sistem pendidikan.

Dalam usaha untuk melaksanakan sesuatu inovasi, wujudnya dua faktor utama iaitu kekangan yang akan menghalang dan peluang yang menggalakkan inovasi itu.

Kekangan merupakan faktor-faktor yang menghalang kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan pada akhir pengajaran. Dimana ia memperlihatkan inovasi kurikulum memberi implikasi kepada kurikulum dan organisasi institusi pendidikan itu sendiri.

Baru-baru ini timbul masalah pelaksanaan inovasi dalam pendidikan dimana dalam tempoh beberapa tahun menduduki jawatan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah membuat pelbagai perubahan kurikulum. Perubahan kurikulum atau dasar yang dilakukan tidak mengambil kira pandangan awam dan golongan pendidik profesional, apatah lagi dibahas. Kadangkala pensyarah Fakulti Pendidikan institusi pengajian tinggi (IPTA) juga dijemput semata-mata untuk mengiyakan apa yang sudah dirancangkan terlebih dulu, bukan untuk membahaskan cadangan perubahan-perubahan besar yang akan dilaksanakan.

Oleh kerana penggubalan kurikulum baru tidak mengambil kira pandangan pihak pelaksana yang lain maka timbul pelbagai masalah seperti pertama, guru tidak bersedia untuk melaksanakan kurikulum baru yang menyebabkan realiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah jauh daripada apa yang bakal disarankan oleh kurikulum yang berkenaan. Kedua, tidak ada ruang untuk guru memberikan pendapat mengenai kurikulum baru menyebabkan tidak ada kehairahan pada pihak guru untuk menyambutnya dan melaksanakannya. Tanpa melibatkan mereka, maka kemungkinan mereka akan menolak inovasi yang diperkenalkan kepada mereka. Hal ini seperti diuraikan sebelumnya, kerana mereka menganggap inovasi yang tidak melibatkan mereka adalah bukan miliknya yang harus dilaksanakan, tetapi sebaliknya mereka menganggap akan mengganggu ketenangan dan kelancaran tugas mereka. Oleh kerana itu, dalam suatu inovasi pendidikan, gurulah yang utama dan pertama terlibat kerana guru mempunyai peranan yang luas sebagai pendidik. Ketiga, pengetahuan mengenai kurikulum baru diperolehi dari sumber kedua atau ketiga (cascading model) yang secara tidak langsung mengurangkan kefahaman guru dalam melaksanakannya dengan berkesan.

Tiada perundingan yang dilakukan dengan pakar-pakar pendidikan, ahli-ahli bahasa dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Barangkali ada perundingan dengan

pihak tertentu secara eksklusif yang tidak diketahui dengan pasti siapa dan inti pati perundingan itu, sedang bidang pendidikan merupakan bidang yang menentukan nasib semua rakyat. Bahkan tiada sama sekali dilakukan cuba uji melalui projek rintis di sejumlah sekolah yang lazimnya dilakukan dalam pelaksanaan mana-mana sistem yang baru.

Beberapa kajian ilmiah di peringkat sarjana dan institusi serta individu tertentu menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar baru itu telah menunjukkan tanda awal bencana dan padah yang bukan kecil. Belum terbukti di mana-mana pun alat teknologi mampu menggantikan guru di bilik darjah. Pihak yang sangat penting dalam pelaksanaan dasar tersebut, iaitu guru sendiri menghadapi masalah yang besar amat besar. Dengan pelaksanaan dasar tersebut secara mendadak, dapat dipastikan berlakunya masalah pengajaran yang dihadapi oleh guru-guru. Daripada segi sosial dan politik, kesan-kesan buruk daripada pelaksanaan dasar baru ini akan menggoncang kestabilan sosial dan politik negara, disebabkan akan wujud ketidakseimbangan pencapaian akademik yang akhirnya melebarkan jurang antara kaum dan kelas masyarakat. Usaha kerajaan untuk seimbangkan pencapaian anak-anak melayu dalam bidang pendidikan, dan seterusnya dalam bidang professional.

Pada kesimpulannya, kefahaman guru mengenai sesuatu inovasi kurikulum baru adalah penting bagi melihat kejayaan pelaksanaannya. Walaupun kita sudah mempunyai Dasar Pendidikan yang telah terbukti mantap, ini tidak bermakna bahawa pelaksanaan dasar ini tidak mengalami masalah. Kegagalan pelaksanaan dalam menjalankan misi ini pasti menimbulkan kesan yang tidak baik kepada bakal penerimanya iaitu pelajar sekolah itu sendiri. Oleh kerana itu kurikulum sekolah dianggap sebagai pemberian yang tidak dapat dipisahkan dalam proses belajar mengajar di sekolah, sehingga dalam pelaksanaan inovasi pendidikan, kurikulum memegang peranan yang sama dengan unsur-unsur lain dalam pendidikan. Tanpa adanya kurikulum dan tanpa mengikuti program-program yang ada di dalamnya, maka inovasi pendidikan tidak akan berjalan sesuai dengan tujuan inovasi itu sendiri. Oleh kerana itu, dalam pembaharuan pendidikan, perubahan itu hendaknya sesuai dengan perubahan kurikulum atau

perubahan kurikulum diikuti dengan pembaharuan pendidikan dan tidak mustahil perubahan dari kedua-duanya akan berjalan searah.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyarankan kepada semua pihak sekolah supaya melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi tujuan meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Namun demikian, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan masih sukar dilaksanakan di sekolah. Berdasarkan dalam bab sorotan kajian didapati bahawa terdapat halangan bagi guru-guru untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Aspek halangan yang telah dikenalpasti adalah seperti pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, jenis latihan yang telah diikuti oleh guru, faktor-faktor yang menjadi halangan dalam melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga peluang atau galakan kepada guru-guru untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Oleh itu, satu kajian dijalankan keatas empat aspek halangan tersebut bagi mengenalpasti punca-punca masalah yang menyebabkan sesuatu inovasi itu mengalami kesukaran serta tidak dapat dilaksanakan seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ( KPM ).

### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah guru-guru teknikal mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?

2. Apakah jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?
3. Apakah faktor –faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?
4. Apakah peluang-peluang atau galakan kepada guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?

### **1.5 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal dari perspektif guru. Di antara objektif kajian yang dijalankan adalah untuk :

- a) Menenalpasti pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru-guru teknikal.
- b) Menenalpasti jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah
- c) Menenalpasti faktor –faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- d) Menenalpasti peluang-peluang atau galakan kepada guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini berhasrat untuk memberi implikasi yang penting terhadap proses penggubalan kurikulum berdasarkan pandangan penggubal dan pelaksana serta memperlihatkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan kesukaran yang wujud dalam pelaksanaan sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Selain itu, kajian ini mempunyai kepentingan yang lain seperti :

- a) Berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sedikit sebanyak dapat membantu secara adil mengenai proses penggubalan kurikulum baru berdasarkan masalah yang dihadapi oleh pelaksana iaitu guru.
- b) Inovasi dalam kurikulum dapat diubahsuai mengikut punca-punca masalah yang dikenalpasti oleh guru yang menyebabkan berlaku kesukaran dalam pelaksanaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- c) Ia juga dapat menyedarkan para guru bahawa inovasi dalam pendidikan amat penting untuk memperbaiki sistem pendidikan selari dengan kemajuan teknologi dan ekonomi yang pesat membangun di Negara ini.
- d) Dapat memperbaiki kelemahan guru supaya menjadi seorang pendidik yang berjaya melahirkan insan yang cemerlang.

## 1.7 Skop Kajian

Aspek-aspek yang dikaji hanyalah pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru-guru teknikal, jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka dalam melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, faktor-faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran

serta peluang-peluang atau galakan kepada guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan responden daripada guru-guru teknikal di empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Guru-guru teknikal lelaki dan perempuan dipilih sebagai sampel kajian. Diantara Sekolah Menengah Teknik yang terlibat adalah :

- a) Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri, Johor Bahru
- b) Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Johor.
- c) Sekolah Menengah Teknik Perdagangan, Johor Bahru.
- d) Sekolah Menengah Teknik Pontian, Johor

Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki bagi mencapai objektif kajian ini. Kejituan kajian ini bergantung kepada kejujuran dan kerjasama oleh responden sewaktu menjawab semua soalan yang diberi.

### **1.9 Definisi Istilah**

Tujuan adalah untuk menghuraikan istilah-istilah yang spesifik berkaitan dengan kajian dan penyelidikan ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan dan tanggapan yang berbeza sesuai dengan kehendak kajian. Beberapa definisi akan dihuraikan di bawah ini, antaranya ialah :

### 1.9.1 Inovasi

Menurut Nichols (1983:4)

*“ Idea, subject or practice as new by an individual or individuals, which is intended to bring about improvement in relation to desired objectives, which is fundamental in nature and which is planned and deliberate.”*

Inovasi lebih kepada idea, objek atau praktikal sesuatu yang baru oleh seseorang atau sekelompok orang yang bermaksud untuk memperbaiki tujuan yang diharapkan.

### 1.9.2 Perubahan

Nichols (1983:4), perubahan merujuk kepada

*“continuous reappraisal and improvement of existing practice which can be regarded as part of the normal activity....”*

Bermaksud perubahan mengacu kepada kelangsungan penilaian, penafsiran dan pengharapan kembali dalam perbaikan pelaksanaan pendidikan yang ada yang dianggap sebagai bagian aktivitas yang biasa.

### 1.9.3 Perspektif

Menurut kamus dewan ( 2005 ), perspektif bermaksud

1. Pandangan ( penafsiran ) yang wajar bukan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya



2. Cara pelukisan ( penggambaran ) sesuatu benda dan lain-lain pada permukaan yang rata sebagaimana yang kelihatan dari sesuatu tempat pada mata seseorang.

#### 1.9.4 Kurikulum

Kurikulum berasal dari perkataan *Latin* yang merujuk kepada 'laluhan dalam sesuatu pertandingan. Berdasarkan kepada konsep tersebut , perkataan kurikulum adalah berkait rapat dengan perkataan 'laluhan atau laluhan-laluhan'. Sehingga awal abad ke 20, kurikulum merujuk kepada kandungan dan bahan pembelajaran yang berkembang iaitu 'apa itu persekolahan'. Ahli progresif dan behaviouris pada lewat abad ke 19 dan abad ke 20 membincangkan tentang kurikulum dengan memasukkan unsur-unsur seperti kepelbagaian, keperluan masyarakat dan strategi-strategi pengajaran.

- Frank Bobbit (1918), dalam buku 'The Curriculum' menghuraikan kurikulum sebagai :
  1. Keseluruhan pengalaman, yang tidak terarah dan terarah, terumpu kepada perkembangan kebolehan individu atau
  2. Satu siri latihan pengalaman langsung secara sedar digunakan oleh sekolah untuk melengkap dan menyempurnakan pendedahannya. Konsep beliau menekankan kepada pemupukan perkembangan individu melalui segala pengalaman termasuk pengalaman yang dirancangan oleh sekolah.
- John Dewey (1902,halaman 5) dalam bukunya 'The Child and The Curriculum' merujuk istilah kurikulum sebagai “*Pengajian di sekolah dengan mengambil kira kandungan dari masa lampau hingga masa kini*”. Pembentukan kurikulum menekankan kepentingan dan keperluan masyarakat. Beliau selanjutnya menghuraikan konsep ini dalam bukunya 'Democracy and Education' (1916, halaman 125). Dewey menyatakan bahawa skema kurikulum harus mengambil

kira penyesuaian pembelajaran dengan keperluan sesebuah komuniti. Ia harus membuat pilihan dengan niat meningkatkan kehidupan yang dilalui supaya masa depan akan menjadi lebih baik dari masa lampau. Di sini, elemen "rekonstruksionism social" dapat dikesan dengan melihat kearah mana keperluan masyarakat diletakkan sebagai objektif utama, tanpa menafikan kepentingan individu

### **1.9.5 Pengajaran**

Merupakan satu bentuk komunikasi bertujuan untuk memberitahu, mempengaruhi, mempengaruhi dan menghibur. Tugas pengajar untuk memberitahu atau menyampaikan satu himpunan maklumat atau fakta kepada murid-murid. Tujuan BBM juga untuk mempengaruhi dan menghibur. (Kamarudin Husin: 2001)

### **1.9.6 Pembelajaran**

Berlaku apabila guru berjaya dalam usaha komunikasinya. Pembelajaran berjaya dicapai dan dipertingkatkan melalui:

- penerangan guru yang jelas
- pengalaman murid yang bererti
- kegiatan yang menyeronokkan murid dan guru

Jadi, pembinaan BBM dibuat dengan teliti dan memenuhi ketiga-tiga syarat di atas.

### **1.9.7 Guru-guru teknikal**

Guru-guru yang menjawat jawatan di sekolah-sekolah teknik dan vokasional serta mengajar subjek kejuruteraan.

### **1.9.8 Sekolah Menengah Teknik**

Pendidikan Teknik dan Vokasional memberi peluang belajar kepada pelajar yang cenderung dalam bidang Teknikal dan Vokasional. Matlamatnya adalah untuk menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang mencukupi.. SMT menawarkan bidang Vokasional seperti ekonomi rumah tangga, pertanian, ketukangan elektrik, mekanikal dan awam, manakala dalam bidang Teknikal termasuklah kejuruteraan elektrik, mekanikal dan awam.

### **1.9.9 Profesionalisme**

Sesuatu kerjaya atau bidang yang mesti mengikuti khusus-khusus khas selama beberapa tahun untuk menguasai bidang tersebut. Contoh bidang profesional adalah seperti guru, doktor dan sebagainya.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Arus perubahan yang berlaku di negara kita menjadikan proses mendidik pelajar-pelajar bertambah kompleks. Justeru, matlamat utama pendidikan masa kini ialah membentuk generasi muda yang mampu menangani cabaran pesat perubahan pembangunan. Pada masa yang sama guru juga harus membantu pelajar-pelajar supaya dapat mengimbangi kesejahteraan mental dan emosi yang boleh menjurus kepada pembentukan tingkahlaku yang sihat.

Matlamat ini boleh dicapai jika guru-guru hari ini sedar akan segala perubahan yang berlaku dan tahu bahawa perubahan ini memerlukan penyesuaian daripada pelbagai aspek termasuk tanggungjawab, beban tugas, penambahan pengetahuan yang harus dipertingkatkan, serta peranan yang harus dimainkan. Yang pastinya, perubahan yang berlaku hasil daripada cabaran pesat pembangunan membawa lebih banyak cabaran yang boleh menggugat keupayaan seorang guru untuk bertugas sebagai pendidik yang berkesan.

## 2.2 Kajian Tentang Amalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Oleh Guru-Guru Teknikal

Menurut Haris (1993), kefahaman guru mengenai sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi melihat kejayaan pelaksanaannya. Kegagalan pelaksanaan dalam menjalankan misi ini pasti menimbulkan kesan yang tidak baik kepada bakal penerimanya iaitu pelajar sekolah.

Dalam buku Panduan KBSR ada menyatakan bahawa walau bagaimanapun sama ada perubahan yang dicadangkan itu akan menjadi kenyataan atau tidak, adalah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh setiap guru dan guru besar dalam sesebuah sekolah. Abd. Aziz (2000) pernah menyebut bahawa guru sebagai pelaksana perubahan dalam kurikulum perlu terdiri daripada seorang yang mempunyai sifat positif dalam segala hal. Mereka perlu bersifat kreatif yang tinggi terutamanya dalam penciptaan alat dan bahan pengajaran. Selain itu, mereka perlu peka dalam hal perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan terutamanya kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran serta aktif dalam tugasnya di bilik darjah berhubung dengan pengelolaan, pengurusan dan pengawasan aktiviti yang berjalan di bilik darjah.

Menurut Hamdan et al. (2004), memandangkan pengajaran dan pembelajaran kini telah mengalami perubahan, iaitu yang mengkehendaki guru tidak lagi menggunakan kaedah *chalk and talk* tetapi telah berubah kepada penggunaan alat bantu mengajar yang canggih seperti LCD projektor, OHP, media dan sebagainya. Oleh itu guru perlu menguasai kemahiran komputer dengan baik dengan perisian-perisian multimedia seperti *power point, flash, movie maker* dan lain-lain lagi.

Pendidikan adalah proses dan aktiviti yang bertujuan membawa perubahan kepada seseorang individu mengikut norma dan nilai sesuatu masyarakat. Pada zaman moden ini, guru adalah bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkahlaku ke atas diri seseorang. Mereka harus memahami idea perubahan dengan sempurna, secukupnya dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi menangani perubahan dalam inovasi, guru perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah disamping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Guru perlu mengamalkan *budaya membaca, budaya belajar, budaya berfikir dan budaya menulis*. Menurut Sharil et al. (1999), melalui amalan dan penghayatan budaya ilmu ini, guru dapat menjadi teladan kepada para pelajar. Tanpa pembinaan ilmu ini dalam inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, malar yang disasarkan agak sukar dicapai. Peningkatan dalam ilmu pengetahuan dan teknologi sewajarnya dilakukan oleh guru kerana keupayaan guru menyelesaikan masalah bergantung kepada keupayaan guru sebagai fasilitator, penyelesaian masalah, pemangkin dan pendorong pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan digunakan. Kebanyakan guru biasanya menyampaikan pengetahuan berasaskan isi kandungan dan berpusatkan pengajaran itu sendiri. Matlamat guru hanyalah ke arah menyediakan pelajar untuk menduduki peperiksaan pada setiap hujung tahun. Apa yang terjadi adalah proses pembelajaran berlaku secara dasar sahaja. Tidak mementingkan pemahaman pelajar sama ada benar-benar menguasai kemahiran ataupun tidak. Adakalanya setiap konsep yang disampaikan tidak jelas dan berada jauh di luar konteks sebenar. Sehubungan dengan itu, pelajar haruslah dilatih dengan kemahiran berfikir pada peringkat lebih tinggi. Pelajar harus dilatih dengan kemahiran berfikir secara kritikal, menganalisis maklumat serta mensintesis maklumat bagi menyelesaikan masalah dalam pelbagai konteks.

Pembelajaran berasaskan masalah (PBL) merupakan satu inovasi yang signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kejuruteraan, perubatan, sains komputer dan undang-undang. Masalah dunia sebenar akan dikemukakan kepada pelajar dimana ianya akan menjadi pemandu utama ke arah pembelajaran pelajar. Proses pembelajaran dengan menggunakan kaedah ini menunjukkan hasil penyelidikan yang memberangsangkan mengikut para penyelidik yang telah menggunakannya. Proses ini juga telah cuba diterapkan dengan penggunaan komputer sebagai satu wadah untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik. Boud dan Tamblyn (1980) mendefinisikan PBL sebagai *the learning which result from the process of working towards the understanding of, or resolution of, a problem*. Margetson (1991) pula

menganggap PBL sebagai konsep pengetahuan, pemahaman dan pendidikan secara mendalam berbeza daripada kebanyakan konsep yang terletak dibawah pembelajaran berasaskan mata pelajaran. Dengan menggunakan pendekatan PBL ini, pelajar akan bekerja secara koperatif dalam kumpulan untuk menyelesaikan masalah sebenar dan yang paling penting membina kemahiran untuk menjadi pelajar yang boleh belajar secara sendiri (Hamizer et al. 2003). Pelajar akan membina kebolehan berfikir secara kritis dan berterusan berkaitan dengan idea yang dihasilkan serta apa yang akan dilakukan dengan maklumat yang diterima (Gallagher, 1997)

Pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) ialah nama rasmi bagi satu dasar pendidikan malaysia yang menetapkan Bahasa Inggeris menggantikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantara mata pelajaran sains dan matematik di semua peringkat pendidikan. Rasional kepada peralihan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik daripada Bahasa Melayu kepada bahasa inggeris adalah atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia untuk mencapai taraf negara maju dan persiapan dari peringkat awal persekolahan untu bersaing dalam era globalisasi. Umum mengetahui bahawa sains dan matematik adalah bidang yang menjadi asas dan berperanan penting dalam kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

Sungguhpun PPSMI banyak mendapat kritikan daripada rakyat, namun pernah juga diberitahu bahawa keberkesanan PPSMI dalam keputusan peperiksaan sekolah yang memberangsangkan. Khususnya bagi mata pelajaran sains dan matematik. Menurut pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Johor, Ramlan Sariman, mata pelajaran biologi menunjukkan peningkatan kelulusan sebanyak 4.87 % (91.45 % - 96.32 %), matematik tambahan 6.81 % ( 8.61 % - 74.76 %), fizik 8.76 % (94.87 % - 97.63 %), matematik 1.04 % (77.61 % - 78.65 %) dan sains tambahan 4.29 % (86.25 % - 90.54 %), sekaligus membuktikan bahawa bahasa perantara bukan penghalang dalam kejayaan dalam pelajaran peringkat menengah. Pada tahun 2008, Kementerian Pelajaran telah mula mengkaji semula dasar PPSMI dan dijangka mengambil keputusan terhadap PPSMI pada hujung tahun ini berdasarkan UPSR dan faktor-faktor lain.

### **2.3 Kajian Tentang Jenis Latihan Yang Telah Diikuti Oleh Guru-Guru Teknikal Bagi Membantu Mereka Dalam Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah.**

Perancangan pengurusan kakitangan profesional yang berkesan dalam sesebuah institusi amat penting kepada kejayaan program akademik keseluruhannya. Guru terutamanya merupakan sebahagian daripada input, masih mempunyai kekurangan untuk menjamin keberkesanan proses dan kualiti *output* serta *outcome* dalam program akademik.

Menurut Ahmad (1997), terdapat kekurangan berlaku dalam konteks profesionalisme guru sebagai satu sumber input dan fenomena ini sebenarnya memberi kesan kegagalan program akademik keseluruhannya. Kesimpulannya, perancangan pengurusan kakitangan profesional yang berkesan amat penting kepada kejayaan akademik secara keseluruhannya.

Faktor – faktor lain adalah kelemahan guru iaitu tahap kelayakan guru yang rendah untuk menjawat jawatan sebagai guru. Guru Sandaran Tanpa Latihan (GSTL / GSTT), kajian yang dilakukan oleh Noran Fauziah Yaakub (1994) terdapat 1652 orang guru GSTL di sekolah menengah. Selain itu, kelayakan seperti Guru Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia juga ramai yang menjawat jawatan seorang guru disekolah. Keadaan ini tentu sahaja tidak menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran jika dibandingkan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru berijazah. Oleh itu, guru-guru perlu memiliki ijazah sekurang-kurangnya beserta dengan Diploma Pendidikan.

Blondin dalam Abdul Rahman Daud (1995) berpendapat :

*” Salah satu faktor penghalang alat teknologi pendidikan ialah kekurangan kemahiran guru”*

Contohnya , guru tidak mahir menggunakan ABM seperti OHP atau slide. Dengan pengambilan guru jawatan rendah ini maka wujudnya Guru Kurang



Berkemahiran dalam penggunaan alat teknologi pendidikan (ABM atau BBM). Ini adalah kerana guru jawatan rendah ini tidak didedahkan dengan penggunaan alat mengajar yang semakin canggih di sekolah pada masa sekarang berbanding guru-guru kemahiran lepasan diploma atau ijazah pendidikan yang sentiasa menggunakan alat mengajar sepanjang kursus mereka.

Semasa Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), lebih 20 peratus daripada belanjawan pembangunan dikhususkan bagi pendidikan dan latihan. Oleh sebab itu, peluang-peluang latihan dan pendidikan telah meningkat dengan meluasnya. Malaysia telah menempatkan keutamaan tinggi pada pembangunan modal insan dan selaras dengan itu telah banyak melabur dalam pendidikan dan latihan. Selaras dengan matlamat Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020, antara cabaran penting ialah mengeluarkan modal insan bertaraf dunia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, fleksibel dan kreatif, serta memiliki nilai-nilai etika kerja positif selain nilai-nilai rohani.

Bagi tujuan ini, usaha-usaha akan diperluaskan supaya latihan dan sistem penyampaian pendidikan kekal relevan, responsif dan fleksibel untuk menyahut keperluan dan cabaran yang sering berubah dalam konteks globalisasi. Peluang-peluang bagi pendidikan berkualiti, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat juga akan menyaksikan penambahbaikan untuk memenuhi permintaan.

#### **2.4 Kajian Tentang Faktor-Faktor Yang Menjadi Halangan Bagi Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah.**

Brown dan McIntyre (1993) pernah mengatakan bahawa telah banyak berlaku kegagalan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran pada masa yang lepas, salah satunya mungkin kerana elemen inovasi tidak mengambil kira bagaimana guru

mentaksir apa yang sebenarnya berlaku didalam bilik darjah dan kegagalan untuk menentukan dimanakah seharusnya guru bermula.

Kajian terhadap pelaksanaan inovasi pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah Malaysia telah menunjukkan pelaksanaannya iaitu guru telah mengubah inovasi sehingga terdapat banyak perbezaan antara apa yang diamalkan di bilik darjah dengan apa yang dikehendaki oleh kurikulum. Azizah (1987) telah mengenalpasti faktor yang menyukarkan berlakunya inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kekurangan latihan yang sepatutnya perlu didedahkan kepada guru-guru.

Haris (1993) telah berupaya menimbulkan tiga kelemahan. Pertama, guru tidak bersedia untuk melaksanakan kurikulum baru yang menyebabkan realiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah jauh daripada apa yang bakal disarankan oleh kurikulum berkenaan. Kedua, tidak ada ruang guru untuk memberi pendapat terhadap kurikulum baru menyebabkan tiada keghairahan pada pihak guru untuk menyambutnya dan melaksanakannya. Ketiga, pengetahuan terhadap kurikulum baru diperolehi daripada sumber kedua atau ketiga yang secara tidak langsung mengurangkan kefahaman guru dalam melaksanakan inovasi dengan berkesan.

## **2.5 Kajian Tentang Peluang-Peluang Atau Galakan Kepada Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah**

Dalam usaha untuk melaksanakan sesuatu inovasi, wujudnya peluang-peluang yang menggalakkan inovasi tersebut. Menurut Taylor et al. ( 1974 ) peluang-peluang merujuk kepada faktor-faktor yang menggalakkan pencapaian matlamat akhir bagi sesuatu inovasi.

Miles ( 1965 ) telah mengemukakan beberapa pendapatnya terhadap peluang-peluang bagi seseorang guru untuk melaksanakan inovasi. Untuk mencapai satu dasar

sistem perubahan, sesuatu organisasi itu perlulah memiliki tujuh elemen utama bagi memperolehi satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu ialah matlamat yang jelas, kelengkapan komunikasi, kelengkapan untuk menyelesaikan masalah, kesamarataan kuasa maksima iaitu antara pentadbir (pengetua) dan guru, kerjasama guru, semangat guru yang tinggi serta guru-guru yang mempunyai ciri-ciri kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas.

Inovasi yang diperkenalkan dan dilaksanakan yang berasal dari pusat merupakan kecenderungan sebuah projek dimana segalanya ditentukan oleh pencipta inovasi dari pusat. Inovasi ini akan terhenti sekiranya projek itu selesai atau kewangannya sudah tidak ada lagi. Dengan demikian pihak sekolah atau guru hanya terpaksa melakukan perubahan sesuai dengan kehendak para inovator di pusat dan tidak punyai peluang untuk mengubahnya. Kelima, kekuatan dan kekuasaan pusat yang sangat besar sehinggalah dapat menekan sekolah atau guru untuk melaksanakan keinginan pusat yang belum tentu sesuai dengan situasi sekolah.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan metodologi kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti pengetahuan guru-guru teknikal tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, latihan yang diperolehi oleh guru-guru teknikal untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran serta peluang-peluang yang menggalakkan inovasi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di sekolah. Kaedah atau metodologi merupakan faktor yang penting untuk memperolehi keputusan yang mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan. Oleh itu, cara persampelan dan penganalisan data merupakan perkara paling penting sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Beberapa perkara yang berkaitan dengan langkah-langkah menjalankan kajian tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal dari perspektif guru adalah seperti :

- a) Reka bentuk kajian
- b) Populasi dan sampel kajian
- c) Tempat kajian
- d) Instrumen kajian

- e) Kajian rintis
- f) Prosedur kajian
- g) Analisis data

### **3.2 Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian membimbing penyelidik kearah mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan tajuk kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif ini hanya digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan khusus-khusus khas yang pernah diikuti oleh guru-guru teknikal. Maklumat yang diperolehi dijadikan sebagai item dalam persoalan kedua. Manakala kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul data-data yang dikaji dengan menggunakan borang soal selidik.

Mohd Najib ( 2003 ) menyatakan bahawa kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik telah banyak digunakan kerana ia merupakan cara yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Soal selidik ini mengandungi item kajian penyelidik dan lazimnya item telah disusun secara rawak. Disamping itu, responden boleh menjawab soal selidik secara serta merta kerana kriteria kesahan dan kebolehpercayaannya adalah tinggi.

Fokus kajian adalah terhadap guru-guru teknikal di empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Pengumpulan maklumat daripada sampel dilakukan melalui penggunaan borang soal selidik. Data kajian adalah berdasarkan skor-skor responden terhadap item-item yang dikodkan semula.

### 3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada semua guru-guru teknikal dari empat buah sekolah teknik di negeri Johor. Seramai 45 orang guru teknikal telah dikenalpasti di empat buah sekolah menengah teknik yang terlibat. Berdasarkan jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W. (1970), bagi populasi seramai 45 orang perlu mengambil sekurang-kurangnya seramai 40 orang dijadikan sebagai sampel kajian. Jenis sampel yang digunakan adalah jenis sampel rawak mudah dimana guru-guru teknikal yang dipilih adalah guru-guru dari jurusan teknikal yang mengajar samada subjek pengajian kejuruteraan mekanikal, elektrik, awam atau mengajar subjek lukisan kejuruteraan.

**Jadual 3.1 : Kadar Menentukan Jumlah Sampel Daripada Populasi**

<b>Bilangan Populasi</b>	<b>Bilangan Sampel</b>
10	10
15	14
20	19
25	24
30	28
35	32
40	36
45	40
50	44
55	48

### 3.4 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Sekolah menengah teknik yang terlibat adalah Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri, Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Pontian.

### 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Pengkaji akan mengedarkan satu set borang soal selidik kepada setiap responden. Syed Arabi (1992) berpendapat bahawa pemilihan kaedah ini amat sesuai digunakan, praktikal, berkesan dan menjimatkan masa. Dengan cara membuat kod, data dapat ditukar kepada simbol angka yang boleh dihitungkan. Dengan adanya soal selidik ini juga penyelidik lebih yakin untuk menjalankan kajian kerana :

- a) Pengkaji dapat berhubung terus dengan responden
- b) Pengkaji berasa yakin bahawa data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini adalah lebih tepat kerana responden dapat memberi tindakbalas yang baik terhadap aspek yang ditinjau.
- c) Soal selidik ini mudah dijawab kerana jawapan telah pun diberikan.
- d) Menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan pengkaji.

#### 3.5.1 Kandungan Borang Soal Selidik

Satu set borang yang mengandungi soal selidik dibentuk untuk diedarkan kepada responden. Borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu :

Bahagian A ( Informasi latar belakang responden )

Bahagian B ( Persetujuan kenyataan )

Dalam bahagian A terdapat 3 item yang dibentuk untuk mendapat maklumat latar belakang biodata responden yang berkaitan dengan jantina, umur dan kelayakan akademik tertinggi guru

Dalam bahagian B pula sebanyak 35 item yang terdiri daripada soalan-soalan untuk mengenalpasti darjah kekerapan responden terhadap pengetahuan

guru-guru teknikal tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, latihan yang diperolehi guru-guru teknikal untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran serta peluang-peluang yang menggalakkan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Bahagian B dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu :

- a) Berkaitan dengan pengetahuan guru - 10 soalan
- b) Berkaitan dengan latihan yang diperolehi guru - 8 soalan
- c) Berkaitan dengan faktor-faktor yang menjadi halangan untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah - 10 soalan
- d) Berkaitan dengan peluang-peluang yang menggalakkan untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah - 7 soalan

Secara ringkasnya bilangan item berhubung persoalan kajian adalah seperti dalam jadual 3.1 di bawah :

**Jadual 3.2 : Bilangan Item Berhubung Persoalan Kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Persoalan Kajian</b>	<b>No. Item</b>	<b>Bil. Item</b>
1	Pengetahuan guru-guru teknikal tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah	1 hingga 10	10
2	Latihan yang diperolehi oleh guru-guru untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah	11 hingga 18	8



3	Faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah	19 hingga 28	10
4	Peluang-peluang yang menggalakkan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah	29 hingga 35	7

Dalam instrumen kajian, responden diminta menandakan jawapan dengan membulatkan nombor yang mewakili bagi setiap kenyataan yang dikemukakan berdasarkan Skala Likert. Menurut Mohd Najib (1999), skala ini amat sesuai digunakan bagi mengukur sikap dalam perbagai situasi dan keadaan. Yahya (2004) menyatakan bahawa Skala Likert ini dikatakan lebih stabil digunakan bagi mengukur kedua-dua arah sikap iaitu sikap positif dan negatif serta kekuatan sikap responden terhadap sesuatu pernyataan yang dikemukakan. Skor bagi setiap item akan dijumlahkan dan satu nilai peratusan diperolehi bagi menentukan darjah kekerapan persetujuan oleh responden.

### 3.6 Kajian Rintis

Bagi memastikan keberkesanan instrumen, kajian rintis perlu dijalankan terlebih dahulu bagi melihatkan kepercayaan responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Menurut Mohd. Majid Konting (1990), kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi setara. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) menyatakan bahawa soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik perlu diuji untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan seterusnya dapat mambantu untuk mencapai objektif kajian.

Kajian rintis adalah bertujuan untuk :

- a) Mengetahui sejauh manakah kesesuaian penggunaan instrumen kepada responden kajian ini. Terutamanya tertumpu kepada penggunaan istilah dan struktur ayat.
- b) Mengetahui sejauh manakah responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan responden bertanya kepada penyelidik.
- c) Mengetahui sejauhmanakah responden memahami kehendak soalan.
- d) Menguji kesahan dan kebolehpercayaan tentang soalan-soalan yang dibina.

Kajian rintis dijalankan oleh pengkaji sebelum menjalankan kajian yang sebenar. Setelah disahkan kelayakan soal selidik, kajian rintis akan dilaksanakan kepada 15 orang guru yang mengajar subjek teknikal di Sekolah Menengah Teknik Seri Manjung, Perak.

Untuk memastikan isi kandungan soalan kajian yang dibina adalah bersesuaian dan menepati objektif kajian yang hendak dikaji, penyelidik telah menyerahkan kertas soal selidik kepada guru yang berpengalaman untuk disemak dan mendapatkan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian yang dibina.

Untuk menguji tahap kebolehpercayaan bagi instrumen kajian yang dibina, penyelidik menganalisis instrumen tersebut berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi. Nilai pekali (reliability coefficient) bagi setiap persoalan kajian yang diperolehi adalah seperti berikut : (a) pengetahuan guru-guru teknikal tentang inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah = 0.839, (b) latihan yang diperolehi guru-guru teknikal untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah = 0.813 (c) faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah = 0.914 dan (d) peluang-peluang yang menggalakkan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah = 0.844

Menurut Mohd Najib (1999), jika pekali Alpha Cronbach diantara 0.8 hingga 1.0 menunjukkan item kajian boleh diterima dan tidak perlu ditukar seperti yang terdapat dalam jadual 3.2 di bawah.

**Jadual 3.3 : Pekali Alpha Cronbach**

<b>0.0 – 0.2</b>	<b>Rendah ( Ubah semua item )</b>
<b>0.2 – 0.8</b>	<b>Sederhana ( Ubah sebilangan item )</b>
<b>0.8 – 1.0</b>	<b>Tinggi ( Item boleh diterima )</b>

Berdasarkan analisis yang didapati, purata nilai pekali Alpha Cronbach adalah 0.853. Ini menunjukkan bahawa semua item kajian sesuai digunakan sebagai instrumen kajian sebenar.

### **3.7 Prosedur Kajian**

Bagi menghasilkan Laporan Projek Sarjana Muda (PSM) dengan baik, pengkaji perlu mengikuti prosedur kajian secara teratur supaya kajian yang hendak dibuat dapat berjalan dengan lancar. Langkah-langkah kajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) Membuat pembacaan mengenai permasalahan yang hendak dikaji.
- b) Membina soalan-soalan yang sesuai untuk kaji selidik.
- c) Menjalankan kajian rintis untuk borang soal selidik.
- d) Menjalankan kaji selidik terhadap guru-guru teknikal di empat buah Sekolah Menengah Teknik yang terlibat di negeri Johor.
- e) Mengumpul kembali borang soal selidik yang telah dijawab.
- f) Membuat analisis.
- g) Membuat rumusan cadangan.

Pengkaji mengedar dan mengelolakan borang soal selidik di empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor iaitu di Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri, Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Pontian. Semasa soal selidik dijalankan, pengkaji menerangkan dengan terperinci tentang tujuan kajian ini dibuat dan sebarang keraguan dapat dijelaskan.

### **3.8 Analisis Data**

Menurut Majid (1994), pemprosesan data merupakan teknik untuk pengumpul, pengolahan, penganalisaan, penyimpan dan pengeluaran data. Analisis statistik deskriptif dilakukan ke atas data-data yang terkumpul. Data kajian ialah berdasarkan jawapan-jawapan responden terhadap item-item yang telah dikodkan.

Analisis data ini dilakukan secara manual dengan mencari bilangan responden, peratusan dan min. Semua data yang diperolehi melalui soal selidik akan disemak terlebih dahulu agar semua arahan yang diberikan diikuti dengan betul.

Dalam kajian ini, setiap pernyataan soalan adalah mengikut Skala Likert. Responden diminta menandakan jawapan dengan membulatkan nombor yang mewakili bagi setiap kenyataan yang dikemukakan. Setiap soalan dipadankan dengan lima aras Skala Likert untuk dibuat pilihan oleh responden.

Menurut Wierma (1991) respon Skala Likert mestilah bersesuaian dengan item-item yang hendak ditetapkan dalam soal selidik berdasarkan tujuan pelaksanaan kajian ini. Lima aras Skala Likert itu seperti mana Jadual 3.3.

**Jadual 3.4 : Lima Aras Skala Likert**

<b>Bil.</b>	<b>Maklumbalas</b>	<b>Singkatan</b>	<b>Skor</b>
1	Sangat Setuju	SS	5
2	Setuju	S	4
3	Tidak Pasti	TP	3
4	Tidak Setuju	TS	2
5	Sangat Tidak Setuju	STS	1

Bagi memudahkan pentafsiran dan penganalisaan terhadap dapatan data yang diperolehi itu, maka penyelidik mengkelaskan pemeringkatan Skala Likert kepada lima kategori iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi memudahkan lagi penghuraian dapatan setiap item, penyelidik mengemukakannya dalam bentuk jadual berdasarkan kekerapan responden dalam peratusan dan min.

Berdasarkan julat skor min dalam jadual 3.4 yang dikemukakan oleh Mohd Najib (1999), Skor soalan yang digunakan dalam soal selidik ini adalah berbentuk normal iaitu penyelidik meletakkan nilai min di antara 1.00 hingga 2.33 sebagai skor rendah. Manakala min 2.331 hingga 3.66 sebagai skor sederhana dan min 3.661 hingga 5.00 sebagai skor tinggi.

**Jadual 3.5 : Julat Skor Min**

<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
<b>1.00 hingga 2.33</b>	<b>Rendah</b>
<b>2.331 hingga 3.66</b>	<b>Sederhana</b>
<b>3.661 hingga 5.00</b>	<b>Tinggi</b>

( Mohd Najib, 1999 )

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan data-data yang diperolehi daripada 40 orang responden yang terdiri daripada guru-guru teknikal dari empat buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor.

Secara umumnya, perbincangan Bahagian A akan tertumpu kepada latar belakang responden iaitu jantina, umur dan kelayakan akademik tertinggi. Perbincangan Bahagian B pula tertumpu kepada pengetahuan guru-guru teknikal tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, latihan yang diperolehi guru-guru teknikal untuk membantu melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran serta peluang-peluang yang menggalakkan guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran. Penekanan perbincangan adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal dari perspektif guru.

## 4.2 Bahagian A : Latar Belakang Responden

Bahagian ini membincangkan tentang latar belakang responden yang terdapat dalam soal selidik (Bahagian A). Sebanyak tiga item soalan dibina bagi mendapatkan gambaran latar belakang responden. Soalan-soalan adalah tertumpu kepada jantina, umur dan juga kelayakan akademik tertinggi bagi guru teknikal tersebut.

### 4.2.1 Jantina

Berdasarkan jadual 4.1 didapati bahawa responden perempuan merupakan bilangan responden yang tertinggi dalam kajian iaitu seramai 22 orang atau 55 % manakala responden lelaki adalah seramai 18 orang atau 45 %.

**Jadual 4.1** : Jadual Taburan Mengikut Jantina

<b>BIL.</b>	<b>JANTINA</b>	<b>BILANGAN RESPONDEN</b>	<b>PERATUS %</b>
1	Perempuan	22	55
2	Lelaki	18	45
	<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

### 4.2.2 Umur

Berdasarkan jadual 4.2 didapati bahawa responden berumur sekitar 31-35 tahun adalah jumlah yang tertinggi iaitu seramai 12 orang atau 30 %, diikuti oleh umur 36-40 tahun seramai 10 orang atau 25 %, manakala bagi umur 46-50 tahun adalah seramai 7

orang atau 17.5 %, umur 41-45 tahun seramai 6 orang atau 15 %, umur 26-30 tahun 5 orang atau 12.5 % dan bagi peringkat umur 51 tahun keatas tiada responden yang menjawab soal selidik ini.

**Jadual 4.2 : Jadual Taburan Mengikut Umur**

<b>BIL.</b>	<b>UMUR</b>	<b>BILANGAN RESPONDEN</b>	<b>PERATUS %</b>
1	26 hingga 30	5	12.5
2	31 hingga 35	12	30
3	36 hingga 40	10	25
4	41 hingga 45	6	15
5	46 hingga 50	7	17.5
6	51 tahun keatas	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

#### **4.2.3 Kelayakan Akademik Tertinggi**

Berdasarkan jadual 4.3 didapati bahawa kebanyakan responden adalah daripada kelayakan Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 30 orang atau 75 %, diikuti oleh diploma seramai 6 orang atau 15 %, manakala bagi kelayakan KPLI dan Master masing-masing seramai 5 orang responden atau 5 %. Bagi lain-lain kelayakan akademik tiada responden yang menjawab soal selidik ini.



**Jadual 4.3** : Jadual Taburan Mengikut Kelayakan Akademi Tertinggi

<b>BIL.</b>	<b>KELAYAKAN AKADEMIK</b>	<b>BILANGAN RESPONDEN</b>	<b>PERATUS %</b>
1	SPM	0	0
2	GSTT / GSTL	0	0
3	GST	0	0
4	Diploma	6	15
5	KPLI	2	5
6	Ijazah Sarjana Muda	30	75
7	Master	2	5
8	Lain-lain	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

#### **4.3 Bahagian B : Persoalan Kajian Pertama**

**Apakah guru-guru teknikal mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah?**

Berdasarkan jadual 4.4 item pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru-guru teknikal ini didapati bahawa kesemua item berada pada tahap yang tinggi iaitu memperoleh skor min tertinggi melebihi 3.661, kecuali item kelima dan item ketujuh yang masing-masing mempunyai skor min pada tahap sederhana iaitu 3.62 dan juga 3.45. Kedua-dua item yang mencapai skor min pada tahap sederhana tersebut adalah menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris (min = 3.62) dan mengamalkan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (min=3.45). Manakala purata min keseluruhan bagi semua item pengetahuan guru terhadap inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah 4.10.

**Jadual 4.4 :** Taburan Analisis Item Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Oleh Guru-Guru Teknikal, Mengikut Peratus (%) dan Min

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
1. Saya menggunakan perisian komputer power point dalam p&p		2.5	7.5	57.5	32.5	<b>4.20</b>
2. Saya menggunakan peralatan teknologi dalam p&p		2.5	2.5	70.0	25.0	<b>4.18</b>
3. Saya menggunakan perisian multimedia dalam p&p		5.0	5.0	45.0	45.0	<b>4.30</b>
4. Saya membina set induksi yang kreatif dalam p&p		7.5	5.0	70.0	17.5	<b>3.98</b>
5. Saya menjalankan p&p dalam bahasa inggeris	5.0	20.0	5.0	47.5	22.5	<b>3.62</b>
6. Saya mengamalkan kaedah berpusatkan pelajar dalam p&p		5.0	2.5	62.5	30.0	<b>4.18</b>
7. Saya mengamalkan PBL Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam p&p	5.0	12.	25.0	47.5	10.0	<b>3.45</b>
8. Saya melatih pelajar dengan kemahiran berfikir dalam p&p			12.5	45.0	42.5	<b>4.30</b>
9. Saya mengamalkan budaya ilmu dalam p&p			7.5	52.5	40.0	<b>4.32</b>
10. Saya menyusun strategi pengajaran sebelum p&p dijalankan				52.5	47.5	<b>4.48</b>
<b>Min keseluruhan</b>						<b>4.10</b>

#### 4.4 Persoalan Kajian Kedua

**Apakah jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah?**

Berdasarkan jadual 4.5, item jenis latihan yang dihadiri oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka dalam melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga berada pada tahap tinggi dimana purata min keseluruhannya adalah 3.81. Skor min tertinggi adalah menghadiri kursus pengajaran dan pembelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah Teknik (min = 4.48). Diikuti Program Latihan Penggunaan Peralatan TMK PPSMI 1 (min = 4.35). Empat item mencapai tahap sederhana iaitu Kursus PLC Training Unit (min = 3.65), diikuti Kursus PC Maintenance & troubleshooting dan Kursus Perisian Elektronik Workbench masing-masing mempunyai min sebanyak 3.55, dan Program Khas Pensiswazahan Guru juga pada tahap sederhana dengan mencapai min iaitu 3.48. Manakala tiada skor min terendah diperolehi dari item persoalan kedua ini.

**Jadual 4.5 :** Taburan Analisis Item Jenis Latihan Yang Telah Diikuti Oleh Guru-Guru Teknikal Bagi Membantu Mereka Untuk Melaksanakan Inovasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah, Mengikut Peratus (%) dan Min

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
11. Saya menghadiri seminar pendidikan p&p dalam bidang teknologi dan hospitality	7.5	17.5	10.0	27.5	37.5	<b>3.70</b>
12. Saya menghadiri kursus PC maintainance & troubleshooting	10.0	10.0	15.0	45.0	20.0	<b>3.55</b>
13. Saya menghadiri kursus p&p pelajaran teknikal & Bahasa Inggeris untuk SMT		2.5	2.5	40.0	55.0	<b>4.48</b>

Sambungan daripada jadual 4.5

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
14. Saya menghadiri kursus Multimedia Based Training		2.5	5.0	47.5	22.5	<b>3.68</b>
15. Saya menghadiri kursus Perisian Elektronik Workbench	7.5	15.0	7.5	55.0	15.0	<b>3.55</b>
16. Saya menghadiri kursus PLC Training Unit	12.5	10.0	2.5	50.0	25.0	<b>3.65</b>
17. Saya mengikuti Program Latihan Penggunaan Peralatan TMK PPSMI		7.5	2.5	37.5	52.5	<b>4.35</b>
18. Saya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru	17.5	15.0	2.5	32.5	32.5	<b>3.48</b>
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.81</b>

#### 4.5 Persoalan Kajian Ketiga

**Apakah faktor-faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah?**

Berdasarkan jadual 4.6 item faktor-faktor yang menjadi halangan guru-guru teknikal untuk melaksanakan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah berada pada tahap sederhana dengan mencapai nilai skor min sebanyak 3.26. Ini adalah kerana hanya item ke-21 sahaja yang mencapai tahap tinggi (min = 3.98) iaitu guru tidak diberi latihan untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bagi item yang berikutnya berada pada tahap sederhana iaitu guru mengetahui inovasi pengajaran dan pembelajaran hanya daripada guru-guru lain (min = 3.65). Diikuti dengan guru tidak

diberi peluang mengemukakan pendapat (min = 3.62), guru tidak tahu dimana hendak bermula (min = 3.58). Manakala item lain masih berada pada tahap sederhana seperti guru tidak bersedia (Min= 2.82), guru tidak berminat (min = 2.75) dan guru pernah mengubah kaedah pengajaran tetapi tidak seperti yang dikehendaki oleh kurikulum (min = 2.35)

**Jadual 4.6 :** Taburan Analisis Item Faktor – Faktor Yang Menjadi Halangan Bagi Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah, Mengikut Peratus (%) dan Min

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
19. Saya tidak bersedia untuk melaksanakan inovasi dalam p&p	20.0	30.0	5.0	37.5	7.5	<b>2.82</b>
20. Saya tidak berminat untuk melaksanakan inovasi dalam p&p	17.5	30.0	12.5	40.0		<b>2.75</b>
21. Saya tidak diberi latihan untuk melaksanakan inovasi dalam p&p	7.5	5.0	2.5	52.5	2.5	<b>3.98</b>
22. Saya tidak dapat memikirkan cara menyelesaikan kekurangan yang dihadapi semasa p&p dijalankan	10.0	12.5	5.0	65.0	7.5	<b>3.48</b>
23. Saya pernah mengubah kaedah p&p tetapi tidak seperti yang dikehendaki kurikulum	25.0	37.5	15.0	22.5		<b>2.35</b>
24. Saya tidak tahu bagaimana menyelaras p&p dengan berkesan	12.5	7.5	2.5	72.5	5.0	<b>3.50</b>
25. Saya tidak tahu dimana harus bermula untuk melaksanakan inovasi dalam p&p	10.0	7.5	12.5	55.0	15.0	<b>3.58</b>
26. Saya tidak percaya bahawa inovasi dalam p&p dapat meningkatkan prestasi pelajar	20.0	22.5	12.5	37.5	7.5	<b>2.90</b>

Sambungan daripada jadual 4.6

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
27. Saya tidak diberi peluang mengemukakan pendapat tentang inovasi dalam p&p	12.5	7.5	5.0	55.0	20.0	<b>3.62</b>
28. Saya mengetahui inovasi p&p hanya daripada guru-guru lain	7.5	12.5	7.5	52.5	20.0	<b>3.65</b>
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.26</b>

#### 4.6 Persoalan Kajian Keempat

**Apakah peluang-peluang atau galakan kepada guru-guru teknikal untuk melaksanakan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah?**

Berdasarkan jadual 4.7 didapati bahawa purata min keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan mencapai min sebanyak 3.91. Item ke-31 mencapai min tertinggi diantara item dalam persoalan kajian keempat iaitu sekolah mempunyai kelengkapan menyelesaikan masalah untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah (min = 4.18). Diikuti item guru-guru bersemangat untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah (min = 4.15), manakala sekolah mempunyai matlamat yang jelas untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah (min = 4.12). Item sekolah mewujudkan kesamarataan kuasa diantara pengetua dan guru mencapai min terendah tetapi masih berada pada tahap sederhana (min = 2.72).

**Jadual 4.7 :** Taburan Analisis Item Peluang-Peluang Atau Galakan Kepada Guru-Guru Teknikal Untuk Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah, Mengikut Peratus (%) dan Min

Item	Persetujuan Responden					Min
	STS	TS	TP	S	SS	
	%	%	%	%	%	
29. Sekolah mempunyai matlamat yang jelas untuk melaksanakan inovasi dalam p&p			15.0	57.5	27.5	<b>4.12</b>
30. Sekolah mempunyai kelengkapan komunikasi yang lengkap untuk melaksanakan inovasi dalam p&p			7.5	80.0	12.5	<b>4.05</b>
31. Sekolah mempunyai kelengkapan menyelesaikan masalah untuk melaksanakan inovasi dalam p&p			2.5	77.5	20.0	<b>4.18</b>
32. Sekolah mewujudkan kesamarataan kuasa antara pengetua & guru	7.5	32.5	42.5	15.0	2.5	<b>2.72</b>
33. Guru-guru memberikan kerjasama untuk melaksanakan inovasi dalam p&p				90.0	10.0	<b>4.10</b>
34. Guru-guru bersemangat untuk melaksanakan inovasi dalam p&p			10.0	55.0	35.0	<b>4.15</b>
35. Guru-guru mempunyai ciri-ciri kreatif dalam merancang inovasi dalam p&p		10.0	7.5	47.5	35.0	<b>4.08</b>
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.91</b>

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil analisis data yang diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam bab IV. Perbincangan ini meliputi keseluruhan item kajian supaya ianya memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat mengenai hasil kajian. Kesimpulan dibuat dengan memberikan sokongan daripada dapatan kajian dan beberapa cadangan lanjutan dibincangkan bagi kajian masa akan datang.

#### **5.2 Perbincangan**

Matlamat kajian ini adalah untuk melihat inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal dari perspektif guru. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengkaji faktor-faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Ia telah dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut persoalan kajian untuk memudahkan penerangan.



### 5.2.1 Persoalan Kajian Pertama

#### **Apakah guru-guru teknikal mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?**

Daripada dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa pengamalan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru-guru teknikal berada pada tahap yang tinggi dengan skor min sebanyak 4.10. Ini adalah kerana kesemua item kebanyakannya mendapat persetujuan daripada responden dan memberi makna responden mengamalkan inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan baik.

Bagi item kesepuluh iaitu guru menyusun strategi pengajaran terlebih dahulu sebelum pengajaran dan pembelajaran dijalankan adalah mempunyai skor min yang paling tinggi (min = 4.48). Menurut Saipo (2001), pendidikan adalah proses dan aktiviti yang bertujuan membawa kepada perubahan seseorang. Pada zaman moden ini, guru adalah bertanggung jawab untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri seseorang. Guru harus memahami idea perubahan dengan sempurna dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dilaksanakan dengan jayanya. Kenyataan ini selari dengan pendapat Hamdan et al. (2004) mengatakan bahawa dengan adanya penyusunan strategi terlebih dahulu sebelum pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan akan membolehkan seseorang guru itu memastikan setiap objektif pengajaran tercapai, guru lebih bersedia dengan kaedah-kaedah, bahan rujukan, aktiviti-aktiviti pelajar dan guru juga dapat membuat jadual masa yang cukup bagi tempoh isi pengajarannya.

Bagi menangani perubahan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah disamping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Guru perlu mengamalkan budaya ilmu seperti budaya membaca, budaya berfikir dan budaya menulis dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini didapati dari item ke sembilan yang merupakan skor min kedua tertinggi (min = 4.32) iaitu guru mengamalkan budaya ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sharil et al (1999), melalui amalan dan penghayatan budaya ilmu, guru dapat menjadi teladan kepada

para pelajar mereka. Tanpa pembinaan ilmu dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran, matlamat yang disasarkan agak sukar dicapai.

Bagi item-item lain, dikatakan responden telah bersetuju menggunakan peralatan teknologi beserta perisian *power point* yang dibekalkan bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kebanyakannya responden membina set induksi pada awal isi pelajaran supaya dapat menarik perhatian pelajar untuk memahami terhadap tajuk yang akan diajar. Selain itu, responden juga bersetuju mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar serta melatih pelajar dengan kemahiran berfikir supaya pelajar berdikari sendiri berfikir untuk mencari maklumat tanpa bantuan guru.

Namun demikian, dapatan kajian bagi item kelima didapati bahawa responden menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap yang sederhana (min = 3.62). Rasional kepada peralihan bahasa pengantar kepada Bahasa Inggeris dalam subjek sains dan matematik adalah atas dasar keperihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia untuk mencapai taraf Negara maju dan persiapan perlu diberi dari peringkat awal persekolahan untuk bersaing dalam era globalisasi.

Item ketujuh mempunyai min paling rendah (min = 3.45) iaitu responden tidak mengamalkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden dikatakan mungkin tidak faham atau kelengkapan peralatan untuk melaksanakan PBL tidak cukup seterusnya tidak dapat mengamalkan PBL dalam pengajaran dan pembelajaran. PBL merupakan satu inovasi dimana proses pembelajaran menggunakan kaedah ini menunjukkan hasil penyelidikan yang memberangsangkan mengikut para penyelidik yang menggunakannya.

### 5.2.2 Persoalan Kajian Kedua

**Apakah jenis latihan yang telah diikuti oleh guru-guru teknikal bagi membantu mereka untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?**

Item-item dalam persoalan kajian kedua ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan kaedah kualitatif temu bual bersama Guru Panitia Kejuruteraan Elektrik dan juga Guru Kanan Teknikal dari Sekolah Menengah Teknik Pontian. Mereka adalah salah seorang yang telah mengikuti seminar, kursus-kursus dan program anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia ( KPM ).

Hasil kajian yang diperolehi adalah memberangsangkan dimana responden dari sekolah lain yang dipilih juga telah mengikutinya. Kursus yang paling mencatat min tertinggi adalah dalam item ke 13 iaitu kursus pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran teknikal dan Bahasa Inggeris untuk Sekolah Menengah Teknik ( min = 4.48 ). Keduanya adalah Program Latihan Penggunaan Peralatan TMK PPSMI 1 ( min = 4.35 ). Bagi kursus-kursus lain dalam item persoalan kajian kedua ini memperoleh purata min sebanyak 3.60.

Dapatan juga menunjukkan bahawa responden memperoleh latihan yang berbeza dengan responden yang lain. Ada responden yang memperoleh tiga daripada lapan kursus yang dikemukakan. Ada juga responden yang memperoleh lima daripada lapan kursus yang dikemukakan. Namun demikian, kursus-kursus yang ditawarkan ini merupakan langkah-langkah bagi meningkatkan ilmu kemahiran seseorang guru untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Tanpa latihan yang dibekalkan, guru tidak akan dapat meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru memandangkan pendidikan sekarang sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa.

### 5.2.3 Persoalan Kajian Ketiga

**Apakah faktor –faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?**

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju dengan faktor-faktor yang menjadi halangan untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan dalam persoalan kajian kedua ini. Menurut Haris (1993) yang berupaya menimbulkan faktor-faktor yang menjadi halangan pada item ke 19, 27 dan 28 didapati purata min yang diperolehi adalah 3.36. Ini menunjukkan responden bersedia untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi kurang diberi peluang untuk mengemukakan pendapat dan inovasi diketahui hanya daripada guru-guru lain. Bagi item ke 22 dan 23 juga dikemukakan oleh Haris memperoleh purata min sebanyak 3.49 dikatakan responden tidak dapat memikirkan cara untuk menyelesaikan kekurangan yang dihadapi serta tidak tahu menyelaraskan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Azizah (1987) telah mengenalpasti faktor yang menyukarkan berlakunya inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Faktor tersebut adalah seperti yang tercatat pada item ke 21 iaitu guru tidak diberi latihan untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran berjaya memperoleh min yang tertinggi diantara item dalam persoalan kajian ketiga iaitu sebanyak 3.98. Ini menunjukkan bahawa responden kurang dihantar menjalani latihan bagi meningkatkan kemahiran diri untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan oleh penggubal kurikulum.

Namun demikian responden tidak bersetuju dengan faktor-faktor halangan yang diberikan oleh Brown dan McIntyre (1993) iaitu guru telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran sehingga terdapat perbezaan seperti yang dikehendaki oleh kurikulum yang berada pada item ke 23. Min yang diperolehi daripada item ini hanya sebanyak 2.35 iaitu berada pada tahap sederhana. Oleh kerana faktor-faktor halangan yang dikenalpasti oleh Azizah (1987), guru tidak diberi latihan untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menyokong faktor yang dikemukakan oleh Brown

dan McIntyre (1993) iaitu guru tidak tahu dimana sepatutnya untuk mereka bermula untuk melaksanakan inovasi tersebut. Hasil dapatan kajian daripada item ke 25 ini memperoleh min sebanyak 3.58.

Shaver, Davis dan Helburn (1980) menekankan minat serta kepercayaan guru amat penting dalam mewujudkan situasi sebenar bilik darjah yang menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Purata min yang diperolehi daripada item ke 20 dan 26 ini adalah 2.82 membuktikan responden bersetuju dengan pendapat Shaver, Davis dan Helburn ini bahawa minat terhadap melaksanakan sesuatu inovasi adalah penting dan percaya bahawa inovasi tersebut akan dapat meningkatkan lagi prestasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### **5.2.4 Persoalan Kajian Keempat**

**Apakah peluang-peluang atau galakkan kepada guru- guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ?**

Miles (1965) telah mengemukakan beberapa pendapatnya mengenai peluang-peluang bagi seseorang guru untuk melaksanakan sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi mencapai satu dasar sistem perubahan, sesuatu organisasi itu perlu memiliki tujuh elemen bagi memperoleh satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu adalah seperti yang dikemukakan pada item 29 hingga item 35 dalam persoalan kajian keempat.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi didapati bahawa enam daripada tujuh item dipersetujui oleh responden dengan purata min sebanyak 4.11 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Manakala item ke 32 iaitu sekolah mewujudkan kesamarataan kuasa diantara pengetua dan guru tidak mendapat persetujuan daripada responden.

Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah mempunyai matlamat yang jelas dengan dilengkapi dengan peralatan komunikasi serta peralatan menyelesaikan masalah bagi membolehkan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Guru-guru juga mempunyai semangat yang tinggi dan saling bekerjasama bagi merancang kreativiti untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Namun demikian, dapatan daripada item ke 32 ini menunjukkan bahawa pihak sekolah tidak mewujudkan kesamarataan kuasa diantara pengetua dengan guru untuk bekerjasama berkongsi idea melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Salwana (2004) dalam kajiannya yang bertajuk *Kompetensi Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Dalam Bidang Pengurusan Kurikulum*, kesamarataan kuasa diantara pengetua dengan guru bermaksud pengetua juga “turun padang” dalam membantu guru-guru menyelesaikan masalah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Seorang pengetua yang mempunyai kemahiran dalam ICT sanggup meluang masa untuk menunjuk ajar guru-guru menggunakan kemudahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan kehendak inovasi masa kini.

### **5.3 Rumusan**

Kajian ini telah dijalankan ke atas guru-guru teknikal dari empat buah sekolah menengah teknik di negeri Johor. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Dan Sekolah Menengah Teknik Pontian. Seramai 40 orang guru-guru teknikal dari sekolah tersebut telah turut serta dalam pelaksanaan kajian ini dan instrumen soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas bagi tujuan pengumpulan data.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, maka dapatan-dapatan berikut diperolehi :-

### **5.3.1 Persoalan Kajian Pertama**

Analisis menunjukkan bahawa guru-guru teknikal dari sekolah menengah teknik yang terlibat mengamalkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Purata min keseluruhan yang diperolehi adalah 4.10 iaitu berada pada tahap tinggi.

### **5.3.2 Persoalan Kajian Kedua**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa guru-guru teknikal dari sekolah menengah teknik yang terlibat mendapat pelbagai latihan bagi membantu mereka untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan mencapai purata min keseluruhan sebanyak 3.81.

### **5.3.3 Persoalan Kajian Ketiga**

Analisis juga menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menjadi halangan bagi guru-guru teknikal untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah berada pada tahap sederhana iaitu purata min keseluruhan sebanyak 3.26. Ini mungkin kerana guru-guru teknikal diberikan latihan untuk membantu melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, tetapi tidak didedahkan sepenuhnya tentang bagaimana hendak melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan betul. Menyebabkan segelintir daripada mereka masih ragu-ragu dengan pelaksanaan inovasi tersebut.

#### **5.3.4 Persoalan Kajian Keempat**

Daripada dapatan kajian yang diperolehi, didapati bahawa peluang-peluang atau galakan untuk guru-guru teknikal melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah berada pada tahap yang tinggi dengan purata min keseluruhan adalah 3.91. Pihak sekolah serta kakitangan guru didapati memberi kerjasama untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan berkesan.

Secara keseluruhan analisis yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa guru-guru teknikal dari sekolah menengah teknik yang terlibat mempunyai pengetahuan tentang inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru-guru teknikal ini juga diberikan beberapa latihan untuk membantu melaksanakan inovasi tersebut. Tetapi masih terdapat halangan bagi segelintir guru-guru teknikal ini yang masih ragu-ragu dengan pelaksanaan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang hendak dilaksanakan di sekolah. Namun demikian, peluang-peluang yang menggalakkan seperti kelengkapan prasarana sekolah yang lengkap serta kerjasama yang wujud diantara guru-guru membolehkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dilaksanakan dengan berkesan.

#### **5.4 Cadangan**

Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mencadangkan beberapa perkara kepada pihak tertentu. Cadangan ditujukan kepada sasaran kajian dan pengkaji yang akan datang. Sasaran kajian adalah guru, pelajar, ibu bapa dan Penggubal Perancang Kurikulum.



#### **5.4.1 Cadangan untuk sasaran kajian**

##### **a) Guru**

Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai ciri-ciri serta semangat yang tinggi untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru seharusnya lebih peka terhadap perubahan dalam pendidikan dan cuba membuat kajian sendiri meneliti serta mengenalpasti terhadap sebarang masalah yang pernah dihadapi sepanjang dalam pengajaran dan pembelajaran berlaku. Dengan cara ini, kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran akan lebih bertambah baik dan menarik sesuai dengan kemampuan pelajar.

##### **b) Pelajar**

Dapatan kajian menunjukkan guru-guru dan sekolah sedang cuba untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam akademik. Oleh hal sedemikian, para pelajar diharapkan dapat memberikan kerjasama kepada guru-guru semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Para pelajar perlu menggunakan guru sebaik mungkin, bertanya untuk memahami sekiranya tidak faham dengan isi pelajaran yang sedang diajar oleh guru. Ini akan memudahkan lagi tugas guru untuk memastikan bahawa pengajaran dan pembelajarannya mencapai objektif seperti yang dirancang ataupun tidak.

##### **c) Ibu bapa**

Dalam menangani masalah pencapaian pelajar yang masih kurang memuaskan, ibu bapa seharusnya memberi galakan kepada anak-anak mereka dengan menghantar anak-anak ke pusat-pusat tuisyen tambahan diluar kawasan sekolah, meluangkan masa bersama anak-anak untuk mengajar mereka tentang pelajaran, bantu anak-anak dalam pembahagian masa belajar serta aktiviti lain dan sebagainya. Dengan cara ini, anak-anak akan lebih rasa dihargai dan cuba untuk belajar bersungguh-sungguh kerana pencapaian peperiksaan yang terbaik adalah kegembiraan untuk kedua ibu bapanya.

#### **d) Penggubal dan Perancang Kurikulum**

Kurikulum yang digubal mestilah bersesuaian dengan kemampuan, minat atau pontensi guru untuk melaksanakan sesuatu isi pelajaran dengan berkesan. Latihan-latihan seperti khusus-khusus yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran harus diberikan kepada setiap orang guru yang dihantar mengikut peringkat. Latihan-latihan ini akan dapat meningkatkan kemahiran guru untuk mengajar dengan lebih baik. Oleh itu, diharapkan agar penggubal kurikulum dapat mengkaji semula kerana kefahaman guru terhadap sesuatu inovasi kurikulum baru adalah penting bagi melihat kejayaan pelaksanaannya. Kegagalan pelaksanaan dalam menjalankan misi ini pasti menimbulkan kesan yang tidak baik kepada bakal penerimanya iaitu pelajar sekolah.

#### **5.4.2 Cadangan untuk kajian lanjutan**

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, terdapat beberapa perkara yang perlu disarankan bagi kajian akan datang supaya lebih baik, teliti, sempurna dan berkualiti.

Antara saranan tersebut adalah:

- a) Kajian ini hanya terbatas untuk guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik sahaja. Oleh itu, bagi memantapkan lagi dapatan kajian ini diharapkan kajian sebaik-baiknya dapat diperluaskan kepada guru-guru bukan teknikal dari Sekolah Menengah harian biasa juga.
- b) Bilangan soal selidik bagi setiap aspek boleh ditambah untuk meningkatkan lagi kebolehpercayaan dan keesahan dapatan kajian.
- c) Pengkaji turut mencadangkan kaedah kualitatif digunakan dimana dengan kaedah ini bentuk soalan yang ditujukan terhadap responden adalah dalam bentuk perbualan. Berbanding kaedah kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah kualitatif akan memberi peluang kepada responden

memberi pendapat dan cadangan melalui perbualan atau percakapan. Dengan cara ini maklumat akan diperolehi secara tepat. Selain daripada itu jawapan yang jujur akan mudah diperolehi melalui kaedah kualitatif.

## **5.5 Penutup**

Hasil daripada dapatan dan perbincangan yang telah dikaji menunjukkan masalah-masalah yang menyebabkan kegagalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian dengan segera oleh pihak Kementerian. Guru-guru didapati telah bersedia untuk melaksanakan inovasi dan amalan-amalan yang sepatutnya juga telah diterapkan didalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan oleh kurikulum. Tetapi, aspek yang perlu diberi keutamaan adalah latihan. Latihan yang cukup perlu didedahkan kepada guru-guru bagi memahirkan diri mereka dengan kaedah-kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan peralatan teknologi yang semakin canggih serta teknik penguasaan kandungan isi pelajaran dengan mendalam. Ini akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Kebanyakan guru mempunyai keinginan untuk memperbaiki diri berkaitan dengan tanggungjawab sebagai seorang profesionalisme. Ini termasuklah dalam bidang pengajaran yang luas dan keupayaan mentadbir serta memimpin pelajar mereka. Seseorang guru perlu didedahkan kepada teknik mengajar terbaru ataupun mempelajari cara menggunakan simulasi dalam memainkan peranan dalam bilik darjah supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan mudah diterima oleh pelajar. Guru-guru juga ingin mempelajari segala ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan bidang mereka dengan menghadiri seminar-seminar, khusus atau program yang berkenaan.

## Rujukan

Azizah Abdul Rahman (1987). *Curriculum innovation in Malaysia: The case of the KBSR*. Disertasi (Ph.D), University London: Institute of Education.

Hamdan, Hanipah dan Saprin (2004). *Teknik Mengajar Dewasa Panduan Untuk Jurulatih*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Zainal Abidin (1999). *Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Mohd Yusof dan Khalijah ( 992). *Pendidikan Tinggi Sains Ke Arah Reformasi Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur @ Fakulti Sains Fizik dan Gunaan, UKM.

Hj Mohd Sani, Jamalul Lail dan Mohd Izham (2001). *Kajian Keberkesanan Program Latihan Guru Bestari dan Impaknya terhadap Pengajaran Guru dan Pembelajaran Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Noor Hasan (2001). *Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Memantapkan Pengurusan P&P*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Jasmy dan Isham Shah (2001). *Persepsi Pelajar Seni Bina Terhadap Pengajaran Berbantu Nota Elektronik*. UKM. Politeknik Port Dickson.

Tetty Henny dan Nik Zafri (2006). *Inovasi Dalam Pedagogi, Kurikulum dan Pendidikan Malaysia*.

Saifo (2001). *Guru Mengalami Perubahan*. Jabatan Kajian Sosial, Maktab Perguruan Islam.

- Boon Pong Ying (1999). *Amalan Reflektif Ke Arah Peningkatan Profesional Diri Guru*. Jabatan Ilmu Pendidikan.
- Andrew Bong (2007). *Penerapan Kemahiran “Employability” Di Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan UTM dari Perspektif Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Yeo Soo Ying (2008). *Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kemahiran Generik*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Kamus Dewan (2005). Edisi Ketiga Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamarudin Husin (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Edaris Abbu Bakri (2004). *Pengurusan Strategik Konsep dan Aplikasi Untuk Pendidikan*. Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Haris Md Jadi, (1993:a). Implementing a National Curriculum: Tradition vs Change: *Pacific Asian Education.*, 5(2)
- Haris Md Jadi, (1993:b). *Persepsi Mata Pelajaran Sejarah Dalam Menangani Cabaran Wawasan 2020*, Kertas Kerja Dalam Seminar Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Rendah Rendah, KBSM, 11-13 Mei 1993
- Brown, S. & McIntyre, D. (1993). *Making Sense Of Teaching*. USA: Open University Press.

- Bahagian Pendidikan Guru (1998a). *Draf Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu: Latihan Guru Sekolah Bestari*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Clark C.M. & Yinger R.J. (1977). *Research on Teacher Thinking. Curriculum Inquiri*.
- Ab. Aziz Yusof. 2000. *Perubahan dan kepimpinan*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob. 1993. *Guru dan perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Sharil @ Charil Marzuki & Habib Mat Som .1999. *Isu pendidikan di Malaysia, sorotan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Taylor, P.H., Reid, W.A., Holley, B.J. & Exon, G.(1974). *Purpose, Power and Constraints in The Primary School Curriculum*. London:Macmillan Education.
- Miles, M.B. (1965). *Planned Change And Organisational Health:Figure and Gound*. Dalam R.O. Carlson, *Change. Processes In The Public Schools*, Oregon:The Centre For The Advanced Study Of Educational Administrations.
- Hamizer, Baharudin & Mohamed (2003). *Pemikiran Pendidik Guru Terhadap Hasrat Dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum Di Maktab Perguruan: Satu Kajian Kes*. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah.
- Blodin & Abd. Rahman daud (1995). *What can research on teacher thinking contribute to teacher preparation? A second opinion*. *Educational Researcher*, 19(5).
- Margetson (1991). *Educational Change in Malaysia: A Case Study Of The Implementation Of Curriculum Innovation*. *Ph.D. Thesis*. University Of Kentucky.

Gallagher (1997). *Classroom teaching skills*. New York: McGraw-Hill, Inc.

Boud & Tamblyn (1980). *The elementary teacher in action*. San Francisco: Wadsworth Publishing Company, Inc.

Mahasan Mahmood (2003), *Kaedah Nemonik Dalam P&P Matematik*. SMK Yaacob Latif Jalan Peel Kuala Lumpur.

Krejcie, R.V and Morgan D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Education and Phycological Measurement*. Bahagian Penyelidikan National Education Association.

# LAMPIRAN A

## BORANG SOAL SELIDIK





--	--	--

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
2008  
BORANG SOAL SELIDIK**

**INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
GURU-GURU TEKNIKAL DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK  
DARI PERSPEKTIF GURU**

**NAMA PENYELIDIK : LAILINITA BINTI AHAMAD**  
**NO. MATRIK : BP 050242**  
**NO. K.P. : 831002 08 5536**  
**KURSUS : IJAZAH SARJANA MUDA**  
**TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN**  
**( KEJURUTERAAN ELEKTRIK )**

---

**PANDUAN :**

1. Anda diminta menjawab semua soalan soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas.
  2. Semua maklumat yang diberi adalah dirahsiakan dan digunakan semata-mata untuk kajian sahaja.
  3. Kerjasama yang anda berikan ini didahului dengan ucapan terima kasih.
-

**BAHAGIAN A****ARAHAN:**

Sila tandakan ( / ) didalam kurungan yang telah disediakan dan isi segala maklumat dengan ikhlas dan jujur.

## 1. Jantina

- a) Lelaki (      )
- b) Perempuan (      )

## 2. Umur

- a) 26 – 30 Tahun (      )
- b) 31 – 35 Tahun (      )
- c) 36 – 40 Tahun (      )
- d) 41 – 45 Tahun (      )
- e) 46 – 50 Tahun (      )
- f) 51 Tahun keatas (      )

## 3. Kelayakan Akademik Tertinggi

- a) SPM (      )
- b) GSTT / GSTL (      )
- c) GST (      )
- d) Diploma (      )
- e) KPLI (      )
- f) Ijazah Sarjana Muda (      )
- g) Master (      )

## BAHAGIAN B

### ARAHAN :

Sila bulatkan jawapan anda mengenai perspektif guru ( teknikal ) terhadap Inovasi dalam P&P

Bil.	Maklumbalas	Singkatan	Skor
1	Sangat Setuju	SS	5
2	Setuju	S	4
3	Tidak Pasti	TP	3
4	Tidak Setuju	TS	2
5	Sangat Tidak Setuju	STS	1

Lima aras Skala Likert sebagai Skala Jawapan

### CONTOH :

No. Item	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS
1	Saya faham mengenai Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5

<b>Pengamalan Inovasi Dalam Pengajaran &amp; Pembelajaran Oleh Guru-Guru Teknikal</b>						
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
1	Saya menggunakan perisian komputer <i>power point</i> dalam P&P	1	2	3	4	5
2	Saya menggunakan peralatan teknologi dalam P&P	1	2	3	4	5
3	Saya menggunakan perisian multimedia dalam P&P	1	2	3	4	5
4	Saya membina set induksi yang kreatif dalam P&P supaya timbul minat pelajar terhadapajuk yang akan diajar.	1	2	3	4	5
5	Saya menjalankan P&P dalam Bahasa Inggeris bagi memudahkan pelajar mencari maklumat dari internet	1	2	3	4	5
6	Saya mengamalkan kaedah berpusatkan pelajar dalam P&P	1	2	3	4	5
7	Saya mengamalkan Pembelajaran Berasaskan Masalah ( PBL ) dalam P&P	1	2	3	4	5
8	Saya melatih pelajar dengan kemahiran berfikir dalam P&P	1	2	3	4	5
9	Saya mengamalkan budaya ilmu dalam P&P	1	2	3	4	5
10	Saya menyusun strategi pengajaran sebelum P&P dijalankan	1	2	3	4	5

<b>Jenis Latihan Yang Telah Diikuti Oleh Guru-Guru Teknikal Bagi Membantu Mereka Dalam Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah</b>						
		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
11	Saya menghadiri seminar pendidikan P&P dalam bidang teknologi dan hospitality	1	2	3	4	5
12	Saya menghadiri kursus PC maintenance & troubleshooting	1	2	3	4	5
13	Saya menghadiri kursus P&P mata pelajaran teknikal & bahasa inggeris untuk Sek. Men. Teknik	1	2	3	4	5
14	Saya menghadiri kursus Multimedia Based Training	1	2	3	4	5
15	Saya menghadiri kursus Perisian Elektronik Workbench	1	2	3	4	5
16	Saya menghadiri kursus PLC Training Unit	1	2	3	4	5
17	Saya mengikuti Program Latihan Penggunaan Peralatan TMK PPSMI 1	1	2	3	4	5
18	Saya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru bagi meningkatkan prestasi akademik	1	2	3	4	5

**Faktor-Faktor Yang Menjadi Halangan Bagi Guru-Guru Teknikal Dalam Melaksanakan Inovasi dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah**

		STS	TS	TP	S	SS
19	Saya tidak bersedia untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
20	Saya tidak berminat untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
21	Saya tidak diberi latihan untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
22	Saya tidak dapat memikirkan cara menyelesaikan kekurangan yang dihadapi semasa P&P dijalankan	1	2	3	4	5
23	Saya pernah mengubah kaedah P&P tetapi tidak seperti yang dikehendaki oleh kurikulum	1	2	3	4	5
24	Saya tidak tahu bagaimana menyelaraskan P&P dengan berkesan	1	2	3	4	5
25	Saya tidak tahu dimana harus saya Bermula untuk melaksanakan inovasi Dalam P&P	1	2	3	4	5
26	Saya tidak percaya bahawa Inovasi dalam P&P dapat meningkatkan prestasi pelajar	1	2	3	4	5
27	Saya tidak diberi peluang mengemukakan pendapat mengenai Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
28	Saya mengetahui inovasi dalam P&P hanya daripada guru-guru lain	1	2	3	4	5

**Peluang-Peluang Atau Galakan Kepada Guru-Guru Teknikal Dalam  
Melaksanakan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah**

		<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
29	Sekolah mempunyai matlamat yang jelas untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
30	Sekolah mempunyai kelengkapan komunikasi yang lengkap untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
31	Sekolah mempunyai kelengkapan menyelesaikan masalah untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
32	Sekolah mewujudkan kesamataran kuasa diantara pengetua dan guru bagi memudahkan pelaksanaan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
33	Guru-guru bekerjasama untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
34	Guru-guru bersemangat untuk melaksanakan Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5
35	Guru-guru mempunyai ciri-ciri kreatif dan inovatif dalam merancang Inovasi dalam P&P	1	2	3	4	5

**SOAL SELIDIK TAMAT**

# LAMPIRAN B

## CONTOH SURAT MOHON KEBENARAN